

D.R. 10/98

Naskhah Sahih—**Bahasa Kebangsaan**

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975.

{ }

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

2. Akta Ahli Kimia 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "Institiut" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Institut". Pindaan am. Akta 158.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut: Seksyen baru 11A.

“Anggota 11 A. Tiada seorang pun boleh menjadi anggota Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, bagi Institut atau sesuatu jawatankuasa bagi mana-mana cawangan Institut melainkan jika dia seorang warganegara.” mestilah warga-negara.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 ("Akta 158").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan penetapan tarikh mula berkuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda teks bahasa kebangsaan Akta 158 untuk membetulkan ejaan "Institiut".

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11A ke dalam Akta 158. Seksyen baru yang dicadangkan itu melarang seseorang yang bukan warganegara Malaysia menjadi anggota Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, Institut Kimia Malaysia atau anggota sesuatu jawatankuasa mana-mana cawangan Institut itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²)1924.]